

Destinasi eko

Info

BH
25/12/16
ms-10-11

→ Taman Negara gamit kedatangan pelancong Barat

Oleh Zubir Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my

Taman Negara Kuala Tahan, Pahang dikategorikan antara hutan simpan paling tua di dunia. Melebihi 130 juta tahun, usia berkenaan dikatakan lebih tua daripada hutan hujan tropika Amazon di Brazil.

Selain pengunjung tempatan, Taman Negara sering menjadi pilihan pelancong asing seperti Belanda, Jerman, Perancis dan Itali sebagai destinasi percutian mereka.

Kebiasaannya, mereka datang ke sini sekitar Julai hingga Ogos, iaitu ketika musim panas di Eropah.

Tidak hairanlah mengapa Taman Negara begitu sinonim dalam kalangan pelancong atau pengembara mat salih kerana mereka sangat menghargai alam semula jadi.

Cabaran laluan berliku, bukit-bukau

Tidak keterlaluan mengatakan, dunia mengenali Malaysia menerusi hutan apabila industri ekopelancongan iaitu percutian yang berteraskan sumber dan pemuliharaan alam semula jadi seperti flora, fauna, pantai, tasik serta sungai, mampu menarik perhatian pelancong terutama dari Barat yang teruja mendekatinya, sekali gus menjadikan Taman Negara sebagai 'lubuk' percutian mereka.

Namun, sebelum sampai ke Taman Negara, pengunjung diuji dengan laluan berliku dan berbukit-bukau terutama dari Jerantut ke

Kampung Kuala Tahan.

Di kiri dan kanan jalan pula hanya hutan tebal dan sesekali anda akan melepasi ladang kelapa sawit. Sepanjang perjalanan ini, anda akan melalui dua kawasan hutan yang diteroka menjadi kawasan penempatan iaitu Felda Padang Piol dan Felda Sungai Retang.

Jadi, pengunjung memerlukan sebuah kenderaan yang berkuasa tinggi, selain tahan lasak untuk menjamin keselamatan dan keselesaan ketika pemanduan.

Pemanduan dinamik

Pengembaraan penulis dan jurugambar ke Taman Negara dengan memandu kenderaan pacuan empat roda iaitu Nissan Navara NP300 serba baharu ketika melalui laluan mencabar sekali gus menguji kesabaran dan kecekapan pemanduan.

Enjin turbo 2.5L generasi ketiga dilengkapi transmisi automatik tujuh kelajuan dengan mode manual yang pertama dalam kelasnya. Apabila perlu melalui selekoh tajam dan laluan berbukit, menjadikan perjalanan anda 'berombak', justeru penulis selesa menukar pemanduan kepada mode manual untuk menambah lebih kuasa pecutan ketika memotong.

Memandu di kawasan pertanian, sememangnya menguji kesabaran apabila perlu mengekori belakang lori membawa muatan berat seperti kelapa dan minyak sawit.

Apabila berpeluang memotong, Navara NP300 memberi keyakinan berbuat demikian, tiada keraguan sama ada kenderaan berkenaan mampu memecut atau sebaliknya.

Pikap dwikabin menawarkan kombinasi terbaik dengan prestasi pemanduan yang dinamik, ketahanan luar biasa, reka bentuk berani dan teknologi termaju yang menggunakan suspensi belakang jenis multi-link menjanjikan keselesaan serta keselamatan.

18,896 km persegi

→ keluasan daerah Jerantut

174 km

→ dari Kuala Lumpur

1938

→ tahun Taman Negara dibuka

Jerantut

- Jerantut adalah daerah terbesar negeri Pahang.
- Daerah ini popular dalam kalangan pelancong kerana menjadi pintu masuk ke Taman Negara, sekali gus dikenali Jerantut Bandar Taman Negara.
- Taman Negara asalnya dikenali Taman Negara King George V. Selepas mencapai kemerdekaan, ia dinamakan Taman Negara, dan menjadi antara destinasi ekopelancongan terkenal di Malaysia.
- Laluan ke Taman Negara iaitu Jerantut-Kampung Kuala Tahan sejauh 67 kilometer.

pelancongan terbaik

Foto Saddam Yusoff / BH




Pengalaman menelusuri Sungai Tahan dan Sungai Tembeling digemari pelancong asing yang mengunjungi Taman Negara.




Navara NP300 sangat berkuasa apabila melalui laluan sukar atau berbukit bukau.

Taman Negara Kuala Tahan sentiasa menjadi perhatian pengunjung dari dalam dan luar negara.



Pokok tualang gergasi dipercayai berusia 700 tahun.



Navara NP300 tawar kemewahan, keselesaan

Navara NP300 bukan saja membuktikan kegagahannya di laluan sukar seperti Jerantut - Kampung Kuala Tahan, malah bertambah 'garang' apabila memandu di lebuh raya dari Kuala Lumpur hingga ke Plaza Tol Temerloh.

Lampu utama LED dengan lampu nyalaan siang (DRL) berbentuk boomerang yang pertama dalam kelasnya, membuatkan Nissan Navara serba baharu jadi perhatian kenderaan lain di lebuh raya.

Ketika perjalanan jarak jauh dan menuntut masa pemanduan lebih lama, Navara NP300 menawarkan keselesaan dan kemewahan yang boleh diperoleh daripada model premium Nissan lain terutama tempat duduk yang diinspirasikan daripada graviti sifar pertama

dalam kelasnya, sekali gus memberi sokongan terhadap tulang belakang pemandu dan penumpang hadapan. Sudut menyandar tempat duduk belakang ditambah baik bersama corong pendingin hawa untuk memastikan keselesaan terbaik kepada penumpang.

Teruja melihat kehebatan jurumudi

Aktiviti yang dinanti pengunjung sebaik tiba di Taman Negara, selain merentas hutan ialah menelusuri Sungai Tembeling dan Sungai Tahan.

Pastinya menelusuri arus deras menaiki perahu jalur sekitar Kuala Trenggan di Sungai Tembeling menjadi acara wajib pengunjung.

Begitu juga dengan pengalaman mudik ke hulu Sungai Tahan

menuju ke santuari kelah di Lubuk Tenor serta berkelah di Lata Berkoh.

Pengunjung pasti teruja menyaksikan kehebatan jurumudi mengendalikan perahu panjang apabila berdepan arus ganas di sepanjang Sungai Tahan, manakala pembantu jurumudi yang sangat arif keadaan sungai, memberi arahan kepada 'kapten' demi keselamatan penumpang.

Dalam perjalanan ke Lata Berkoh, penulis singgah sebentar di tebing Sungai Tahan untuk melihat pokok tualang bersaiz gergasi yang dipercayai berusia 700 tahun!

Memang terlalu banyak keindahan, keterujaan dan keasyikan yang mampu dikutip sepanjang penjelajahan ke Taman Negara.